

Transformasi Nasional 2050

# MASA DEPAN NEGARAKU



mytn50.com #tn50





Transformasi
Nasional 2050

# MASA DEPAN NEGARAKU








FOLLOW US ON



# KAND


05 TN50 DILANCARKAN OLEH YAB PM SEBAGAI SATU INISIATIF UNTUK MEMBINA MASA DEPAN NEGARA SEHINGGA TAHUN 2050

07 APAKAH TN50?

13 APAKAH ANTARA POLA MEGA YANG PERLU KITA KETAHUI?

15 PERANCANGAN AKTIVITI UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF UTAMA TN50

19 SIAPA DIKENALI SEBAGAI GENERASI MUDA MALAYSIA?

21 BAGI TAHUN 2017, PANDANGAN GENERASI MUDA MALAYSIA AKAN DIKUMPUL, DIANALISA DAN DIBANDING DENGAN PERSPEKTIF LUARAN

31 ADAKAH TN50 AKAN MEMANSUHKAN ATAU MENGGANTIKAN WAWASAN 2020

# UNGAN


08 APAKAH CIRI-CIRI UTAMA TN50?

09 MENGAPAKAH TN50 DIPERLUKAN?

17 TN50 BERMULA DENGAN DIALOG BERSAMA ORANG RAMAI

23 BAGAIMANAKAH KITA MENGUKUR PENCAPAIAN TN50?

25 TEMA AWAL ASPIRASI TN50 YANG TELAH DIKENALPASTI

32 ADAKAH TN50 HANYA SATU SIRI DIALOG DENGAN GENERASI MUDA MALAYSIA SEMATA-MATA?

37 DUTA ICON TN50



"...Dalam masa 30 tahun lagi, negara akan berubah dengan radikal. Amat sesuai sekali kita lihat teropong masa depan sekarang dengan memulakan wacana ini supaya kita **membina masa depan bersama**..."



“...Dan amat sesuai kita **memulakan wacana dengan golongan belia** pada ketika membuat persiapan masa depan bagi **generasi akan datang**...”





# TN50 DILANCARKAN OLEH YAB PM SEBAGAI SATU INISIATIF UNTUK MEMBINA MASA DEPAN NEGARA SEHINGGA **TAHUN 2050**



**TN50** satu lakaran bersejarah untuk **Malaysia.**

"...Kerajaan akan melancarkan siri dialog nasional atau *national discourse* bagi memeta halatuju negara di atas sebuah kanvas yang baharu...wacana nasional ini pula saya namakan sebagai, **Transformasi Nasional 2050..."**

TN50 akan dimula-gerakkan dengan **generasi muda pelbagai bangsa...**

Biarlah TN50 ini menjadi saksi dan berkalamlah tawarikh bahawa, Kita adalah bapa-bapa atau nenek moyang yang bertanggungjawab..."





**... berlandaskan keperluan dan jalancara ke arah tranformasi ...**

“Kerajaan telah meletakkan sasaran jangka sederhana agar ekonomi kita meningkat kepada RM2trilion dalam lapan tahun.”

Kita akan menggunakan Indeks Inovasi dan Kreativiti sebagai tanda aras untuk transformasi Malaysia menjadi 20 negara terbaik di dunia.

...kita perlu merancang ke hadapan serta meramal keperluan rakyat agar kita bersedia dengan penyelesaian yang berkesan.”



# APAKAH TN50?



TN50, atau **Transformasi Nasional 2050 ialah inisiatif untuk membentuk Malaysia menjadi sebuah negara yang memenuhi aspirasi penduduknya.** TN50 meliputi tempoh 30 tahun dari 2020 - 2050.

Inisiatif ini akan dilaksanakan berasaskan matlamat dan sasaran nyata dalam tempoh 30 tahun, yang akan dirangka dalam fasa persediaan (2017-2019). Satu **dokumen akhir TN50** akan disediakan menjelang akhir 2019 / awal 2020.



# APAKAH CIRI-CIRI UTAMA TN50?



TN50 merupakan **inisiatif jangka panjang** untuk membentuk aspirasi Malaysia, dari suara rakyat

**Ianya kolektif**

- Aspirasi seluruh rakyat Malaysia dari segenap lapisan
- Berpandukan ramalan jangka panjang pakar-pakar *domain* (*domain experts*)

**Bukannya satu lonjakan serta-merta tetapi usaha yang progresif**

- Sasaran jangka panjang, dengan pencapaian interim
- Transformasi merangkumi pelbagai bidang dari Ekonomi, Kesejahteraan rakyat, Alam Sekitar, Teknologi, Tadbir Urus dan lain-lain



# MENGAPAKAH
# TN50 DIPERLUKAN?

**Sebagai negara merdeka, banyak yang telah kita harungi sepanjang 60 tahun**

- Berjaya berkembang dari segi ekonomi (25x peningkatan pendapatan per kapita sejak 1965)
- Peningkatan ketara kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat (kadar kemiskinan berkurangan daripada 49.3% kepada 0.6%, pembasmian kemiskinan tegar)
- Negara yang aman dan bersatu






"KITA KETEPIKAN PERBEZAAN. KITA MAHU MEMBENTUK NEGARA SEBAGAI NEGARA 'MITHALI', NEGARA CONTOH. DALAM KEPELBAGAIAN, ADA SATU PEMIKIRAN DAN DIIKTIRAF DUNIA, INI HASRAT KITA INSYA-ALLAH,"


Masa Depan Negaraku



**Jumlah penduduk lebih besar**

Tekanan terhadap sumber, alam sekitar dan bekalan makanan/air

**Perubahan iklim**

Risiko bumi menjadi lebih panas dan kesannya terhadap pengeluaran makanan dan bencana alam

**Perubahan kuasa ekonomi**

Negara Asia yang sedang membangun (China, India, Indonesia) mengubah paksi geopolitik dunia

**Jangka ha panj**

Berpotensi m kos penjaga bagi pend semakin l

# APAKAH POLA YANG PERLU

**Menjelang 2050, Malay untuk menghadapi du Kita perlu bers**

**Kemajuan tekn**

Membawa p lebih hebat, cabaran kep keselamata interaksi re menguasai

**ayat lebih jang**

neningkatkan an kesihatan uduk yang anjut usia

I ANTARA
# MEGA
KITA KETAHUI?

**ysia seharusnya bersedia nia yang amat berbeza. siap sedia untuk:**

**sains dan ologi**

penyelesaian , tetapi juga ada (privasi, an), contoh ealiti maya i bidang ini

### Perbandaran mega

Penghijrahan dari luar bandar ke bandar secara berterusan, mewujudkan bandar raya mega



### Peralihan dalam kerja dan latihan

Sistem autonomi penuh (kenderaan dan kilang) dan Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence* (AI).

# PERANCANGAN AKTIVITI UNTUK MENCAPAI **OBJEKTIF UTAMA TN50**

MENGEMUKAKAN SEBUAH **REKOD ASPIRASI MALAYSIA YANG MELUAS LIPUTANNYA NAMUN TERSINTESIS RAPI** UNTUK PANDUAN MASA DEPAN MALAYSIA KE ARAH 2050, YANG DIPEROLEHI DARIPADA PELBAGAI PLATFORM




**UNTUK MERANGSANG PEMIKIRAN, EKSPRESI DAN PENDAMPINGAN RAKYAT** TERHADAP MASA DEPAN JANGKA PANJANG MALAYSIA, MELALUI PELBAGAI CARA



# JENIS AKTIVITI YANG DIRANCANG

## KANDUNGAN PENGLIBATAN



Sesi Taklimat Umum / *Townhall* (Peringkat Negeri, Daerah)



Bual Bicara TN50



Kaji selidik *online*



Perbincangan kumpulan fokus



*Circles of the Future*

## PENGLIBATAN PENGAKTIFAN



*E-engagement* melalui portal, media sosial



Pembangunan Aplikasi TN50



*Photo-Curating* Instagram TN50



Pertandingan Video TN50



Pertandingan Esei TN50

# PROSES PENGENALAN
# TN50 MELIPUTI T

2017



## Fokus Kepada Pendampingan & Pengumpulan Aspirasi

- Bermula dengan segmen belia
- Disusuli segmen-segmen lain dari Q2 2017

**KPI:**

- % sedar atau tahu tentang TN50
- % sedar atau berfikir tentang masa depan negara

# N DAN PENGGUBALAN
# TAHUN 2017-2018

## 2018



### Fokus Kepada Pembangunan Dokumen Dasar TN50

- **Penterjemahan aspirasi kepada visi, sasaran konkrit serta *'milestone'***
- **Juga berpandukan senario masa depan dan sumbangan pakar**

**KPI:**

- **Dokumen dasar yang mengimbang aspirasi rakyat dengan realiti *'megatrend'***



# SIAPA DIKENALI SEBAGAI **GENERASI MUDA** MALAYSIA?

- **Anak muda ingin bersuara tentang dasar**
  Dengan penembusan internet melebihi 70%, anak muda mempunyai lebih banyak ruang bersuara dan inginkan pendapat mereka didengari oleh pembuat dasar. Isu berkenaan peremajaan dan saluran pendapat sering didengari dalam dialog bersama anak muda.



- **Menghargai suasana positif**
  Walaupun keadaan politik yang genting, anak muda dapat bersatu tanpa mengira pegangan parti bila mana ada suasana positif seperti kejayaan RIO 2016. Suasana positif dapat menarik anak muda merentasi segala jurang perbezaan.

- **Tidak sentimental dengan kejayaan lampau**
  Ramai anak muda tidak arif tentang kejayaan Malaysia sejak kita Merdeka. Sebagai generasi yang tidak sentimental, mereka melihat kepada perancangan dan pelan masa depan. TN50 dapat berkongsi kejayaan-kejayaan lampau ini sebagai asas sebelum mereka memikirkan tentang masa depan Malaysia pada tahun 2050.

# BAGI TAHUN 2017, PANDANGAN **GENERASI MUDA** MALAYSIA AKAN DIKUMPUL, DIANALISA DAN DIBANDING DENGAN PERSPEKTIF LUARAN



## Penglibatan belia dan input dari Kementerian dikumpul untuk memastikan tema TN50

### Siri dialog bersama belia




Pelbagai saluran untuk mendapatkan input daripada golongan muda mengenai aspirasi mereka

### Input dari Kementerian

Pelan induk dan pelan daripada Kementerian & Agensi

## Diuji dengan perspektif luaran

### Trend Global



Diuji untuk memastikan TN50 memenuhi cabaran dunia yang semakin cepat berubah

### Pakar tempatan dan global

Diuji dengan pandangan pakar merentasi pelbagai tema



**...dan diuji dengan pelbagai senario masa depan**

**Analisis senario**

Diuji berdasarkan potensi dunia pada tahun 2050





**...untuk menentukan keutamaan negara di masa hadapan**

**Keutamaan belia**

Meletakkan aspirasi belia sebagai faktor pemilihan keutamaan perancangan negara





# LAPORAN BELIA MALAYSIA 2050

# BAGAIMANAKAH KITA MENGUKUR **PENCAPAIAN TN50?**

- TN50 ialah satu dokumen dinamik, dan pengisiannya - iaitu tema, aspirasi, inisiatif - akan disemak secara berkala dan formal untuk memastikan ia relevan dan sesuai untuk warga Malaysia

- Input mengenai TN50 akan dikumpulkan meliputi semua segmen antara 2017-2020 dan Dokumen Dasar TN50 akan dilancarkan menjelang akhir 2019

- Selepas itu, Dokumen Dasar TN50 akan disemak setiap 2-3 tahun untuk memastikan kesesuaiannya seiring perubahan masa





# TEMA AWAL **ASPIRASI T** YANG TELAH DIKE

## UNTUK DIPERHALUSI BERDASAR AKAN DITERIMA SEPANJANG TA

### • SAYA

MAHU DIAMI MALAYSIA YANG MENYEDIAKAN

**Persekitaran hidup yang sihat, mampan, efisien dan selamat**

### • SAYA

MAHU ALAMI MALAYSIA YANG MENYEDIAKAN

**Gaya hidup yang aktif, bersemangat dan mesra**

### • SAYA

MAHU MALAYSIA YANG DITADBIR URUS DENGAN

**Model pentadbiran awam yang efektif dan seimbang**



# N50
# ENALPASTI
## KAN INPUT YANG
## HUN

**• SAYA**
MAHU DUNIA MELIHAT MALAYSIA SEBAGAI
**Pengaruh utama di pentas dunia**

**• SAYA**
MAHU MENIMBA ILMU DI MALAYSIA YANG MENYEDIAKAN
**Ekosistem pembelajaran yang relevan, menyeluruh dan berterusan**

**• SAYA**
MAHU MALAYSIA YANG MEMUPUK
**Masyarakat yang inklusif, terbuka dan bersemangat**

**• SAYA**
MAHU BEKERJA DI DALAM MALAYSIA YANG MEMPUNYAI
**Ekonomi yang berdaya saing dan terkedepan, dipacu oleh tenaga kerja yang berkembang maju**



# TEMA AWAL ASPIRASI TN50 YANG TELAH DIKENALPASTI

## UNTUK DIPERHALUSI BERDASARKAN INPUT YANG AKAN DITERIMA SEPANJANG TAHUN

### Persekitaran hidup yang sihat, mampan, efisien dan selamat

- Alam sekitar yang mampan dan terpelihara
- Jaringan infrastruktur yang maju dan terhubung
- Akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dan berpatutan harga
- Keamanan dan keselamatan untuk semua rakyat Malaysia

### Gaya hidup yang aktif, bersemangat dan mesra

- Memupuk komuniti yang berkembang maju dalam seni dan budaya
- Pilihan aktiviti dan tempat rekreasi yang pelbagai
- Budaya sihat dan gaya hidup aktif
- Persekitaran komunal yang ramah



## Ekosistem pembelajaran yang relevan, menyeluruh & berterusan

- Sistem pendidikan bertaraf dunia yang menyediakan kemahiran kritikal masa hadapan
- Budaya pembelajaran sepanjang hayat dan peningkatan kemahiran secara berterusan
- Pendidikan holistik yang seimbang antara akademik dan kemahiran teknikal
- Penyampaian pembelajaran yang efisien menerusi teknologi

## Masyarakat yang inklusif, terbuka dan bersemangat

- Masyarakat yang terbuka, bertoleransi dan berfikiran sivik
- Masyarakat yang saksama
- Hormat terhadap warisan yang berbilang budaya dan pelbagai
- Identiti nasional yang kukuh dan utuh

# TEMA AWAL ASPIRASI TN50 YANG TELAH DIKENALPASTI

## UNTUK DIPERHALUSI BERDASARKAN INPUT YANG AKAN DITERIMA SEPANJANG TAHUN

### Berpengaruh di pentas dunia

- Negara ASEAN dan Asia yang dihormati
- Contoh unggul antara negara-negara Islam
- Dikenali untuk usaha-usaha kemanusiaan
- Suara penting dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa

### Ekonomi yg berdaya saing & terkedepan, dipacu oleh tenaga kerja yang berkembang maju

- Produktif, inovatif & amat kompetitif
- Didorong oleh kemajuan sains dan teknologi
- Hub peluang pekerjaan yang relevan dan menarik

## Model pentadbiran awam yang efektif dan seimbang

- **Kerajaan yang efektif** dan adaptif
- Demokrasi yang matang dan bertenaga serta mengalakkan **politik yang inklusif**
- Sektor **sosial dan masyarakat yang dinamik**
- **Perlembagaan negara yang relevan,** dijulang dan dihormati



SAYA MAHU **DIAMI** MALAYSIA YANG . . .

SAYA MAHU **ALAMI** MALAYSIA YANG . . .

SAYA MAHU **MENIMBA ILMU** DI MALAYSIA YANG . . .

SAYA MAHU **BEKERJA** DIDALAM MALAYSIA YANG . . .

SAYA MAHU **DUNIA MELIHAT** MALAYSIA . . .

SAYA MAHU MALAYSIA YANG **MEMUPUK** . . .

# ADAKAH TN50 AKAN MEMANSUHKAN ATAU MENGGANTIKAN **WAWASAN 2020?**



**Tidak sama sekali.** Matlamat Wawasan 2020 berakhir 3 tahun lagi dan **TN50 adalah kesinambungan** darinya. TN50 bukan bertujuan memansuhkan atau menggantikan Wawasan 2020. Sebaliknya TN50 adalah sebahagian daripada usaha berterusan dalam proses pembangunan Malaysia yang efektif sehingga 2050.



# ADAKAH TN50 HANYA SATU SIRI DIALOG DENGAN GENERASI MUDA MALAYSIA SEMATA-MATA?

- **Tidak,** TN50 ialah inisiatif pembangunan negara untuk jangka panjang. Sebagai sebahagian daripada **peringkat persediaan dan pembangunan TN50,** YAB PM telah memberikan mandat kepada Kementerian Belia & Sukan untuk memulakan proses dengan mengadakan ‘Perbincangan TN50’, iaitu satu siri aktiviti penglibatan dan perhubungan yang bertujuan menentukan aspirasi anak muda, terutamanya golongan belia dan juga menentukan bidang-bidang transformasi

- Peringkat persediaan 2017-2019 akan membabitkan aktiviti lain yang relevan kepada pembangunan dokumen dasar TN50 seperti penglibatan pemegang taruh, pakar domain berpengalaman dan pemimpin dalam bidang spesifik












KELUAR

Bermula dengan bakat lakonan dan sebagai pengacara TV, Neelofa kini tersenarai dalam ***Forbes Asia 30 Under 30.*** Beliau bergiat dalam pelbagai aktiviti perniagaan termasuk busana Muslimah.

Pada usia semuda 28 tahun, Neelofa terpilih menyertai barisan elit tersebut hasil kejayaan beliau di bidang peruncitan dan e-dagangan.

Pemilihan ke senarai tersebut menitik-beratkan kepimpinan, ketergendalaan yang berlaku, pemikIran keusahawanan dan juga kebarangkalian perubahan pada industri dalam 50 tahun mendatang.

**NOOR NEELOFA MOHD NOOR**



Dato’ Dr. Izhar Ariff ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau telah menghasilkan disertasi menjurus Fiqah Kepenggunaan dan Fatwa Semasa - diantaranya Penglibatan Wanita Dalam Bidang Keusahawanan, Penggunaan Bahan-bahan Tidak Halal Dalam Perubatan dan banyak lagi.

Beliau pemenang pelbagai anugerah termasuk Tokoh Pendakwah, ICON TV Al-Hijrah dan Darjah Kebesaran yang membawa gelaran Dato’.

Dato’ Dr. Izhar merupakan pemegang tauliah sebagai penceramah agama bagi negeri Kelantan, Selangor dan Wilayah Persekutuan.

**DATO’ DR. USTAZ IZHAR ARIFF**


DIALOG
PERDANA
Transformasi
Nasional 2050

Setelah 20 tahun mewakili Malaysia dan 10 tahun bertarung raket di gelanggang skuasy profesional antarabangsa, Sharon kini mencipta nama sebagai pengasas bersama dan pengarah Sports Warrior Global sebuah syarikat yang mempelopori pembangunan kepimpinan dan jati diri ahli sukan, beliau turut mengasaskan Sharon Wee Squash Pro Academy dan tidak kurang terkenal sebagai pengacara sukan di kaca TV.

Demi menyemarak semangat kesukanan dan menggalakkan perkembangan bakat muda sukan tanahair, Sharon kerap menganjurkan ceramah serta seminar motivasi untuk atlit negara, pelajar universiti juga komuniti sukan tempatan.

Berbekal ijazah di bidang pentadbiran perniagaan, ***Certified Level 3 Elite Squash Coach,*** Sharon juga bertauliah sebagai jurulatih professional yang mampu menyemarak semangat, menguatkan kewibawaan dan meninggalkan kesan demi kemajuan negara.

**Sharon Wee Ee Lin**



Ganesh adalah Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Saora Industries, yang berfungsi merawat air kumbahan sehingga menjadi air minuman serta menyediakan keperluan elektrik asas kepada kawasan pedalaman di Semenanjung dan Timur Malaysia. Sistem mudah senggara oleh Saora menggabungkan teknologi hijau yang digerakkan tenaga suria untuk meningkatkam keberkesanan dan memaksimumkan manfaat pengguna.

Beliau merupakan seorang penyumbang aktif untuk majlis belia dan keusahawanan di Malaysia seperti TEDx dan Forum Usahawan Muda Dunia. Ganesh juga merupakan pengerusi bagi Persatuan Alumni Axiata dan menyokong usaha sukarela sebagai seorang usahawan sosial.

Mendapat latihan dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, Ganesh telah diiktiraf oleh Institut Jurutera Malaysia untuk anugerah Projek Paling Inovatif dan baru-baru ini meraih ***Laureate Here For Good Award*** bagi tahun 2016.

**Ganesh Muren**



Arthur Kurup dipilih sebagai Timbalan Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) selepas berkhidmat sebagai Ketua Pemuda Parti.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana Undang-Undang yang khususnya dalam bidang Perdagangan Antarabangsa dari Universiti Bond, Australia dan merupakan pelajar Naib Canselor Kecemerlangan Akademik.

Arthur pernah bertugas di Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Pertubuhan Perdagangan Dunia, sebagai pakar tarif kastam dan subsidi pertanian. Pada 2016, beliau dilantik sebagai Pengarah Lembaga Perumahan Sabah dan Pembangunan Bandar.

Arthur percaya TN50 amat penting kerana ia membolehkan belia Malaysia menyumbang secara positif kearah masa depan negara. Beliau menjadi Duta Belia TN50 kerana percaya memperkasakan belia Malaysia dalam menggubal dasar negara akan mampu mencerminkan aspirasi semua rakyat Malaysia.

**ARTHUR JOSEPH KURUP**



Sumber:

**Kementerian Belia & Sukan (KBS)**
mytn50.com #tn50



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA


**Bahagian Penerbitan Dasar Negara (BPDN)**
**Jabatan Penerangan Malaysia**
**Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM)**

| | |
|---|---|
| **Laman Web** | **www.penerangan.gov.my** |
| **Portal** | **pmr.penerangan.gov.my** |
| **Emel** | **webmaster@inform.gov.my** |

CERTIFIED TO ISO9001:2008
CERT. NO: MY-AR5240
B. 002 (B.M) Jun 2017 (0.50)